

Oleh D J Dolasoh

am@hmetro.com.my

Grik

# 'Kami dah letih basuh lumpur'

■ Penduduk rugi besar harta rosak akibat limpahan air Sungai Hanyir

**"S**aya dan isteri sudah letih membersihkan lumpur tebal dalam rumah serta sampah yang hanyut di halaman kerana tahun ini saja, sudah lapan kali banjir berlaku dengan kejadian terbaru petang semalam (kelmarin)," kata Ishak Abdul Wahab, 57, penduduk yang terjejas akibat banjir lumpur di pekan ini, kelmarin.

Menurutnya, sejak 25 tahun menetap di kawasan itu, tahun ini paling banyak berlaku banjir menyebabkan penduduk mengalami kerugian teruk akibat kerosakan harta benda.

Katanya, kejadian yang berlaku pada jam 5.30 petang kelmarin, mengakibatkan puluhan rumah dan premis perniagaan di pekan itu terjejas teruk selepas hujan lebat kira-kira tiga jam menyebabkan air Sungai Hanyir yang terletak berhampiran melimpah sebelum membanjiri kawasan pekan termasuk Pasar Besar.

"Rumah saya terletak di belakang pasar dan setiap kali selepas banjir, saya bersama isteri, Che Wan binti Said, 53, seorang anak perempuan dan dua cucu terpaksa membersihkan



“Setiap kali berlaku banjir, lumpur tebal dan sampah-sarap akan memenuhi ruang laman sehingga memaksa saya memasang jaring supaya sampah tidak masuk dalam rumah”

Ishak Abdul Wahab

lumpur tebal dalam rumah serta sampah-sarap yang turut hanyut di laman rumah.

"Setiap kali berlaku banjir, lumpur tebal dan sampah-sarap akan memenuhi ruang laman sehingga me-

maksa saya memasang jaring supaya sampah tidak masuk dalam rumah," katanya ketika ditemui, semalam.

Katanya, dia tidak pasti punca air yang membawa lumpur itu tetapi tidak me-

nolak kemungkinan ia akibat kegiatan penerokaan hutan di kawasan hulu sungai atau pembangunan yang dilakukan secara tidak terancang.

"Saya berharap pihak berkuasa dapat mencari kaedah berkesan untuk mengelakkan kejadian sama terus berlaku dan menyelesaikan masalah ini segera," katanya.

Seorang lagi penduduk Khairul Azhar Ishak, 30, berkata, dia turut terkesan dengan masalah berkenaan yang membawa lumpur hingga menjejaskan kehidupan harian penduduk terutama peniaga.

"Kami sekeluarga terpaksa bertungkus-lumus membersihkan lumpur dalam rumah dan warung milik ibu, Ropisah Salleh, 53, yang menjalankan perniagaan di depan



AIR Sungai Hanyir melimpah ke kawasan pekan sehingga menyebabkan banjir.

PENDUDUK membersihkan premis perniagaan selepas dinaiki air.

rumah setiap kali selepas banjir.

"Saya berharap pihak berkuasa mencari punca keja-

dian itu yang terlalu kerap berlaku pada tahun ini dan segera menanganinya," katanya.

FOTO: D J DOLASOH